

# Berita UniMAP

## Dua pelajar jadi tokoh siswa terbilang UniMAP

28 Mac 2008 - Dua pelajar telah dinobatkan sebagai Tokoh Siswa Terbilang dalam satu majlis tahunan 'Anugerah Gemilang Siswa UniMAP 2007' yang bertujuan meraikan sumbangan mahasiswa kepada Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) di Dewan Kapitol malam tadi. Majlis yang dirasmikan oleh Menteri Besar Perlis, YAB Datuk Dr. Md Isa Sabu memilih Syarifah Nor



Salwa Syed Awaly dan Farah Farhana Zainal yang merupakan pelajar tahun 3 dan masing-masing dalam jurusan Kejuruteraan Perhubungan dan kejuruteraan Metalurgi sebagai penerima anugerah.

Menurut Pengawai Tadbir (Aktiviti Pelajar) UniMAP, Puan Fazlina Fadzil, pemilihan mereka berdasarkan aspek penglibatan yang cemerlang dalam sukan, kebudayaan dan akademik.



"Mereka pelajar yang aktif dan bijak. Sebagai contoh Syarifah Nor Salwa merupakan pelajar tajaan Kementerian Pengajian Tinggi dan sekarang berada di Tempere University of Technology (TUT) Finland selama 4 bulan bagi mengikuti program pertukaran pelajar di sana", katanya.

Tambah Fazlina lagi, "Selain itu, beliau yang merupakan mantan Yang Di Pertua Perwakilan Pelajar UniMAP turut mengharumkan nama universiti apabila menjadi salah seorang panel bagi persidangan antarabangsa 'The 9th IMT-GT Varsity Carnival' di Prince Of Songkhla University, Thailand".

Manakala pemilihan Farah Farhana pula berikutan penglibatannya sebagai sukarelawan dalam pelbagai aktiviti yang dianjurkan oleh universiti antaranya dalam Kejohanan Sukan Staf antara IPTA'07 yang diadakan pada bulan Jun yang lalu.

Naib Canselor UniMAP, Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin dalam ucapannya turut menekankan pemilihan seseorang pelajar adalah berdasarkan keaktifan mereka dalam aktiviti dan sumbangan dalam bidang akademik dan inovasi universiti. "Pelajar Institusi Pengajian Tinggi harus bergerak dengan lebih aktif bukan hanya dalam ruang lingkung akademik sahaja tetapi perlu meliputi aspek sosial dan juga sahsiah",katanya.



Tambah Kamarudin lagi,"Anugerah yang diberikan ini merupakan tanda penghargaan terhadap penglibatan pelajar UniMAP di dalam aktiviti di peringkat dalaman universiti, luaran dan diperingkat kebangsaan dan antarabangsa. "Penganugerahan ini bukanlah bererti sebagai satu tanda penamat tetapi ianya perlu dilihat sebagai satu permulaan kepada satu usaha yang berterusan untuk lebih melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti di UniMAP".

Beliau turut berharap agar sumbangan dan pengorbanan pelajar yang terlibat adalah sejajar dengan usaha universiti untuk melahirkan warga universiti yang cemerlang, berilmu, dan berdaya saing di persada antarabangsa.

Antara anugerah lain yang turut diberikan ialah bagi kategori sukan, kebudayaan, akademik, khas, kelab atau persatuan terbaik, majlis penghuni kolej terbaik, penganjuran program terbaik, khas juri serta satu kategori baru iaitu penganjuran program RPS terbaik Selain itu, UniMAP turut memberi penghargaan kepada pelajar dari enam sekolah dan masing-masing dua anugerah kepada kolej matrikulasi dan politeknik dalam kategori penghargaan dan pengiktirafan sekolah atau kolej matrikulasi serta politeknik bagi zon utara.

